

# Gabungan dua negara hasilkan produk terbaik

Daripada  
**BADRUL HISHAM ABDUL AZIZ**

MANILA 29 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, gabungan antara pengalaman Malaysia mengeluarkan Proton dan tenaga kerja mahir Filipina boleh menghasilkan kereta yang setanding dengan yang terbaik di dunia.

Perdana Menteri berkata, usahasama sedemikian juga adalah gambaran jelas tentang peningkatan kerjasama dalam ASEAN.

Berucap merasmikan upacara pembinaan asas kilang seberang laut pertama Proton di Pangasinan, kira-kira 300 kilometer dari utara Manila hari ini, Perdana Menteri berkata, kehadiran Proton bukan hanya sekadar membuka kilang bahkan mencebutkan pelbagai peluang baru.

“Yang lebih penting ialah ia menyemarakkan pertumbuhan satu industri.

“Industri automotif yang disokong oleh pengeluaran komponen automotif, pastinya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi Pangasinan dan memberi peluang pekerjaan kepada mereka,” tegasnya.

Kilang berharga RM157 juta di atas tapak 27 hektar itu adalah

milik Proton Pilipinas Corporations (PPC).

Hadir sama pada majlis itu ialah Presiden Fidel Ramos dan isterinya Amelita, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Duta Malaysia ke Filipina, Datuk Zainuddin Rahman, Pengarah Urusan Proton, Datuk Nadzmi Salleh dan Pengerusi Diversified Resources Berhad (DRB), Datuk Yahya Ahmad.

DRB mempunyai pegangan sebanyak 70 peratus dalam Automotive Corporation of Philipines, salah sebuah syarikat yang menganggotai PPC dengan saham sebanyak 51 peratus.

Kilang ini yang akan memberi peluang pekerjaan kepada 700 orang akan mula mengeluarkan Proton Wira panduan sebelah kiri pada kadar 20 unit sehari pada tahun 1997 dan digandakan kepada 40 unit sehari dalam fasa keduanya.

Dr. Mahathir menegaskan, pembinaan kilang berkenaan adalah amat bersejarah kerana membolehkan Malaysia berkongsi teknologi dengan Filipina dalam menghasilkan Proton-kereta paling cepat dipasarkan di Eropah.— *Utusan*.